

29 mangsa banjir dipindahkan

JOHOR BAHRU - Seramai 29 mangsa daripada tiga keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, selepas kediaman mereka dinaiki air setinggi kira-kira 0.3 meter akibat hujan lebat, di Ledang, malam kelmarin.

Semua mangsa adalah penduduk dari dua kampung iaitu, Kampung Parit Ponorogo dan Kampung Tanjung Gading yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Bunga, Ledang.

Pegawai Daerah Ledang, Ab Han Ramin berkata, mangsa dipindahkan dari rumah masing-masing ke surau dan balai raya kampung untuk mendapatkan bantuan akibat banjir dari jam 9 malam itu.

"Semua penduduk yang terjejas kemudian ditempatkan di SK Parit Bunga, kira-kira jam 2 petang semalam.

"Banjir berpunca daripada hujan lebat dan air pasang yang berlaku serentak. Kami masih memantau perkembangan lokasi terlibat," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, mangsa banjir dari Kampung Parit Ponorogo, Azman Rashid berkata, keluarganya mula meletakkan peralatan elektrik antaranya peti sejuk dan

mesin basuh di tempat tinggi sejak petang kelmarin, apabila air mula naik.

"Kemudian pukul 8 malam semalam (kelmarin) pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung mengarahkan kami berpindah ke surau Kampung Parit Ponorogo, kerana air naik hampir paras lutut.

"Kami juga sempat mengalihkan kereta dan motosikal ke tempat selamat. Banjir ini menyebabkan tiga jalan utama di kampung kami terputus," katanya.

Dia turut mendakwa, banjir berlaku kerana kawasan di situ rendah dan air dari parit besar di kampung berdekatan mengalir ke Parit Ponorogo ditambah pula dengan air pasang dari Sungai Sendok.

Manakala, Baharom Muhamad, 77, dari kampung sama berkata, 'banjir termenung' di kawasan rumah mereka biasanya mengambil masa kira-kira tiga hari untuk surut jika tiada hujan.

Bapa enam anak yang tinggal bersama isterinya itu berkata, mereka terpaksa berpindah kerana takut terputus hubungan selain kehabisan bekalan makanan dan lebih bimbang ular masuk ke rumah.